

07 NOV 2000

Mahathir-Inggeris

DR MAHATHIR MINTA ANGGOTA PARLIMEN KUASAI BAHASA INGGERIS

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan semua anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) supaya menguasai bahasa Inggeris kerana penguasaan bahasa itu akan memudahkan mereka berurusan dengan orang asing semasa berada di luar negeri atau semasa menerima perwakilan asing yang melawat negara ini.

Beliau berkata penguasaan bahasa Inggeris akan memudahkan anggota Parlimen mendapatkan maklumat mengenai isu semasa daripada Internet tanpa mengharapka ia diterjemahkan.

"Penguasaan bahasa Inggeris bukan bermakna kita hendak menidakkan Bahasa Kebangsaan atau tidak patriotik daripada segi bahasa," katanya semasa berucap pada majlis makan malam anjuran Kelab Penyokong Kerajaan di Seri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata penguasaan bahasa Inggeris akan memmudahkan anggota Parlimen menyuarakan pandangan mereka mengenai pelbagai isu semasa berada di luar negeri kerana orang asing sekarang ini amat berminat mendengar dan menghormati pandangan kita.

"Memang kita boleh mengharapka orang lain menterjemahkan untuk kita, bagaimanapun kita tidak boleh mengharapka apa yang diterjemahkan itu benar-benar sama dengan yang diucapkan oleh kita," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan supaya anggota BN menghadiri persidangan Dewan Rakyat kerana kedatangan mereka boleh menentukan peluang untuk dicalonkan pada pilihan raya akan datang dan juga dalam pemilihan parti.

"Anggota Parlimen perlulah menunjukkan minat untuk bekeja kuat semasa di dewan sama seperti mana mereka bekerja kuat semasa berkempen untuk menjadi calon," katanya.

Beliau juga meminta anggota parlimen BN mempertahankan keamanan yang dinikmati oleh rakyat pelbagai kaum sekarang dan tidak terpengaruh dengan tindakan golongan tertentu yang tidak ingin melihat perkara itu berkekalan.

"Saya gembira anggota Parlimen yang menghadiri jamuan malam ini bukan terdiri dari satu kaum sahaja sebaliknya daripada berbagai kaum dan ini benar-benar menunjukkan contoh rakyat Malaysia yang sebenar yang ingin kita bina," katanya.

Jamuan makan malam ini dihadiri lebih 100 anggota Parlimen BN.

-- BERNAMA

NY AR LAT